



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

**LAWATAN KERJA JPPKK KE KANADA : TEROKA POTENSI KERJASAMA
STRATEGIK DALAM PELBAGAI BIDANG BERSAMA HUMBER POLYTECHNIC**

TORONTO - Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Shamsuri Abdullah selamat tiba di Toronto, Kanada semalam bagi mengetuai delegasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk lawatan kerja ke Humber Polytechnic bersempena dengan penyertaan Malaysia dalam 31st FIRA RoboWorld Cup & Summit 2026.

Delegasi JPPKK telah disambut oleh Dr. Gina Antonacci, Senior Vice-President, Academic, Humber Polytechnic bersama barisan pengurusan institusi sebelum menghadiri sesi taklimat mengenai ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pembangunan kurikulum, inovasi, kerjasama industri serta amalan terbaik yang dilaksanakan di institusi tersebut.

Melalui pertemuan ini, pihak jabatan bersama-sama institusi berkenaan berpeluang berkongsi amalan terbaik serta meneroka potensi kerjasama strategik dalam bidang pembangunan bakat, penyelidikan gunaan, inovasi dan pengantarabangsaan TVET. Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan JPPKK dalam memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa dengan institusi pendidikan tinggi bertaraf dunia bagi memperkasa ekosistem TVET negara serta meningkatkan daya saing graduan Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) di peringkat global.

Pada sebelah petang pula, delegasi meneruskan perjalanan ke Majlis Pembukaan 31st FIRA RoboWorld Cup & Summit 2026 di Markham, Ontario yang menghimpunkan delegasi, peserta dan pakar robotik dari pelbagai negara. Penyertaan Malaysia bukan sahaja mencerminkan komitmen negara dalam pembangunan robotik dan teknologi, malah menjadi platform strategik bagi memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa serta menyokong usaha Malaysia dalam membida penganjuran 32nd FIRA RoboWorld Cup & Summit 2027.

Delegasi Malaysia turut disertai oleh Dr. Nur Zakiah Hani Kamarolzaman selaku Sekretariat FIRA Malaysia Chapter bersama enam (6) orang pelajar Politeknik yang mewakili negara dalam pertandingan tersebut serta dua (2) orang pensyarah selaku jurulatih pasukan.

Kunjungan ini dilihat mampu memperkasa TVET negara serta menyokong aspirasi Malaysia sebagai hab TVET yang berdaya saing di peringkat global.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
18 Julai 2026**